

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : YB TUAN KHOO POAY TIONG  
KAWASAN : KOTA MELAKA**

**SOALAN :**

**YB TUAN KHOO POAY TIONG** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:

- (a) jumlah dan butiran jejambat pejalan kaki yang dimiliki Kementerian Kerja Raya di Melaka; dan
- (b) berapakah hasil pendapatan pengiklanan dari jejambat-jejambat tersebut dan adakah hasil pendapatan ini diterima oleh Kerajaan atau syarikat swasta termasuk nama syarikat jika ada.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat sebanyak 22 jumlah jejantas pejalan kaki di Jalan Persekutuan Negeri Melaka yang di bawah tanggungjawab Kementerian Kerja Raya (KKR). Senarai berserta butiran lokasi jejantas pejalan kaki mengikut daerah adalah seperti di **Lampiran A**.

b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini terdapat sejumlah empat (4) paparan iklan yang telah diluluskan untuk didirikan di jejantas pejalan kaki di dalam rizab Jalan Persekutuan yang masih dalam tempoh kelulusan oleh Kementerian ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi kaedah bayaran pula, pemohon yang berjaya perlu mengemukakan bayaran sewaan mengikut jenis struktur paparan iklan seperti yang telah diwartakan di dalam "*P.U. (A) 405, Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Fi dan Caj bagi Mendirikan Struktur Bagi Papan Iklan di Jalan Persekutuan) 2010*"

Akta ini memperuntukkan sewaan bagi paparan iklan jenis parapet jejantas adalah sebanyak RM15,000 untuk paparan iklan yang berada dalam Zon 1 (kawasan-kawasan bandar), RM 10,000 bagi Zon 2 (pinggiran bandar) dan RM 6,000 bagi Zon 3 (selain daripada Zon 1 dan Zon 2).

50% daripada hasil kutipan sewaan struktur paparan iklan ini akan dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan Persekutuan manakala 50% hasil lagi dimasukkan ke dalam Akaun Amanah Peningkatan Perkhidmatan Jalan Raya KKR.

Sekian, terima kasih.

**LAMPIRAN A****Inventori Jejantas Pejalan Kaki Negeri Melaka**

Daerah : Alor Gajah

<b>DAERAH</b>	<b>LALUAN</b>	<b>NO. LALUAN</b>	<b>SEKSYEN</b>	<b>CATATAN</b>
ALOR GAJAH	LEBUH AMJ	FT019	46.00	JEJANTAS PEJALAN KAKI
ALOR GAJAH	LEBUH AMJ	FT019	47.20	JEJANTAS PEJALAN KAKI
ALOR GAJAH	LEBUH AMJ	FT019	50.80	JEJANTAS PEJALAN KAKI
ALOR GAJAH	LEBUH AMJ	FT019	54.80	JEJANTAS PEJALAN KAKI
ALOR GAJAH	LEBUH AMJ	FT019	59.00	JEJANTAS PEJALAN KAKI
ALOR GAJAH	JALAN TUN ABDUL RAZAK	FT0191	2.60	JEJANTAS PEJALAN KAKI

Daerah : Melaka Tengah

<b>DAERAH</b>	<b>LALUAN</b>	<b>NO. LALUAN</b>	<b>SEKSYEN</b>	<b>CATATAN</b>
MELAKA TENGAH	LEBUH AMJ	FT019	28.00	JEJANTAS PEJALAN KAKI
MELAKA TENGAH	LEBUH AMJ	FT019	32.50	JEJANTAS PEJALAN KAKI
MELAKA TENGAH	LEBUH AMJ	FT019	33.00	JEJANTAS PEJALAN KAKI
MELAKA TENGAH	LEBUH AMJ	FT019	34.20	JEJANTAS PEJALAN KAKI
MELAKA TENGAH	LEBUH AMJ	FT019	37.00	JEJANTAS PEJALAN KAKI
MELAKA TENGAH	LEBUH AMJ	FT019	38.00	JEJANTAS PEJALAN KAKI
MELAKA TENGAH	LEBUH AMJ	FT019	39.00	JEJANTAS PEJALAN KAKI

MELAKA TENGAH	LEBUH AMJ	FT019	42.10	JEJANTAS PEJALAN KAKI
MELAKA TENGAH	LEBUH AMJ	FT019	43.60	JEJANTAS PEJALAN KAKI
MELAKA TENGAH	LEBUH SPA	FT033	9.80	JEJANTAS PEJALAN KAKI
MELAKA TENGAH	JALAN PERINGGIT - PADANG JAMBU - LEBUH AYER KEROH	FT143	0.30	JEJANTAS PEJALAN KAKI
MELAKA TENGAH	JALAN PERINGGIT - PADANG JAMBU - LEBUH AYER KEROH	FT143	2.70	JEJANTAS PEJALAN KAKI
MELAKA TENGAH	LEBUH AMJ	FT019	17.00	JEJANTAS PEJALAN KAKI
MELAKA TENGAH	JALAN MELAKA - BATU BERENDAM	FT142	2.0	JEJANTAS PEJALAN KAKI
MELAKA TENGAH	JALAN MELAKA - BATU BERENDAM	FT142	3.5	JEJANTAS PEJALAN KAKI

**DAERAH : JASIN**

<b>DAERAH</b>	<b>LALUAN</b>	<b>NO. LALUAN</b>	<b>SEKSYEN</b>	<b>CATATAN</b>
JASIN	LEBUH AMJ	FT019	2.00	JEJANTAS PEJALAN KAKI